

Sinar Harian 5/9/2018 MS 21

Nelayan tempatan dicekup gaji warga asing

KUALA TERENGGANU - Sebuah bot kelas C milik seorang nelayan tempatan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Terengganu selepas didapati mengaji pekerja asing tanpa kebenaran yang sah, di lokasi 21 batu nautika Kuala Terengganu, di sini, Sabtu lalu.

Turut ditahan tujuh awak-awak termasuk tekong warga Thailand yang berusia antara 26 hingga 51 tahun, selain merampas hasil laut iaitu pelbagai sotong dan ikan yang diang-

garkan hampir lima tan serta 3,000 liter minyak diesel.

Pengarah Maritim Terengganu, Kep-ten Maritim, Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, penahanan bot milik nelayan dari Pulau Duyong, di sini, berusia awal 50-an, dilakukan kira-kira jam 11 malam oleh Kapal Maritim KM Nusa yang sedang melakukan rondaan Ops Iman secara berkala.

“Pemeriksaan lanjut mendapati bot berpendaftaran tempatan jenis kelas C melakukan kesalahan melanggar syarat lesen yang dikeluarkan iaitu melakukan

aktiviti menangkap ikan di bawah kawasan yang dibenarkan.

“Bot tersebut seterusnya dibawa ke Jeti Maritim Terengganu, di sini, pada keesokan harinya (Ahad) untuk siasatan lanjut dibawah Seksyen 8 (b) 1985 Akta Perikanan kerana menangkap ikan dibawah kawasan yang dibenarkan mengikut syarat lesen,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan akhbar dikeluarkan semalam.

Muhammad Suffi berkata, siasatan dibawah Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen kerana tidak mempunyai pengenalan diri dan permit kerja yang sah turut dijalankan.

Sementara itu, Muhammad Suffi menegaskan pihaknya tidak akan sesekali berkompromi dengan mana-mana pihak terutama yang melakukan sebarang salah laku dan menyalahguna lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

“Rondaan dan pemantauan akan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa untuk mencegah sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang Maritim.

“Justeru itu, kerjasama daripada masyarakat terutama nelayan tempatan untuk melaporkan sebarang maklumat dan salah laku yang berlaku di perairan negara ke talian MERS 999 atau 09-6224357 (Pusat Operasi Maritim Terengganu),” katanya.



Muhammad Suffi menunjukkan sebahagian hasil laut yang berjaya dirampas.